

Bersama Diplomat

Debat secara waras elak keganasan

Warga dunia tidak boleh pilih, nilai seseorang berdasarkan agama

Oleh Jamhariah Jaafar

KENAIKAN harga minyak memang membebankan, namun jika dilihat dari satu sudut lain kenaikan itu mempunyai hikmah kerana ia membuatkan rakyat negara ini mula mencari tenaga alternatif yang lebih mesra alam.

Ini adalah pemerhatian yang dibuat Setiausaha Parlimen Pejabat Luar Negara dan Komanwel Britain, Meg Munn.

Munn yang berada di Malaysia bagi menghadiri 'Persidangan Antarabangsa Mengenai Dunia Islam dan Barat: Merapatkan Jurang', berkata isu kenaikan harga minyak adalah isu global yang tidak mampu disekat oleh sesiapa pun, cuma rakyat Malaysia lebih bernasib baik kerana sebagai negara pengeluar, kerajaan masih mampu untuk memberi subsidi.

"Tetapi apa yang menarik, dulu tidak ramai orang kisah mencapai tenaga alternatif seperti NGV (gas asli kenderaan), tapi sejak minggu lalu semua orang mula bercakap mengenai kereta NGV. Bagi saya, kenaikan harga minyak ini sebenarnya ada hikmah," kata Munn yang menambah rakyat Britain turut tidak terkecuali dari bahan kenaikan bahan api yang semakin pupus ini.

Ketika mengulas mengenai sidang yang menjadi antara pentas untuk merapatkan semula hubungan antara dunia Islam dan Barat yang terjejas teruk sejak kejadian 11 September, 2001, Munn berkata penduduk dunia tidak lagi boleh menilai seseorang hanya kerana kulit, bangsa dan agama.

"Seluruh warga dunia patut melaungkan dengan lebih tegas bahawa kita tidak boleh lagi memilih atau menilai seseorang itu kerana dia beragama Islam, Kristian, Hindu, Buddha atau apa saja. Semua warga dunia mesti jelas mengenai perkara itu.

"Selepas kejadian 11 September 2001, ketika ramai berasa tindakan merapatkan jurang antara umat Islam dan Barat adalah lebih bersikap retorik, semua pihak mesti jelas kerana kumpulan pengganas bukan mewakili umat Islam," katanya mengenai persepsi perkauman dan agama yang membelenggu ramai warga dunia.

Justeru, Munn tidak teragak-agak menjawab soalan membabitkan usaha mengkaji semula beberapa pusat tahanan terkemuka

dunia yang masih memenjarakan 'pengganas' Islam tanpa sebarang perbicaraan.

Katanya, Britain melahirkan kebimbangan terhadap situasi di pusat tahanan Amerika Syarikat di Teluk Guantanamo, Cuba, malahan sedang berunding mendapatkan semula beberapa rakyat kelahiran Britain yang turut ditahan di sana.

"Walaupun kami mengiktiraf usaha menangani keganasan, kami juga percaya terhadap hak menyediakan perlindungan untuk warga Britain. Setiap kerajaan sudah pasti akan bekerja keras memastikan keselamatan nyawa rakyat masing-masing," katanya.

Apa yang jelas walaupun tidak menjawab soalan secara langsung sama ada pusat tahanan di Cuba itu perlu dikaji semula, mesej yang disampaikan Munn adalah jelas. Sudah tiba masanya Amerika Syarikat berhenti daripada menjadi 'polis dunia'.



“ Ramai memuji pendirian United Kingdom yang tidak prejudis terhadap mereka yang beragama Islam”

Meg Munn
Setiausaha Parlimen Pejabat Luar Negara
dan Komanwel Britain

Mengulas lanjut Munn berkata, orang muda hari ini sebenarnya hanya bercakap mengenai keganasan tapi enggan memabitkan diri dalam program yang dianjurkan untuk merapatkan jurang yang wujud hari ini.

"Tapi ini tidak bermakna mereka tidak mempunyai peluang untuk bercakap mengenai perkara ini. Kami tahu ramai yang tidak setuju dengan beberapa tindakan kerajaan dunia, seperti mengadakan pusat tahanan. Kita boleh berdebat mengenai perkara itu dengan waras, tapi bukan melalui tindakan keganasan," katanya mengenai isu keganasan yang turut menjadi perdebatan hangat rakyat Britain.

Beliau memuji Kerajaan Malaysia kerana mengadakan pelbagai dialog peradaban antara umat Islam dan Barat, kerana ia adalah pentas terbaik untuk mengenali lebih dekat antara satu sama lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika ucap tama persidangan selama dua hari itu berkata, Malaysia mula aktif mengadakan persidangan untuk merapatkan jurang antara Islam dan Barat itu selepas tragedi 11 September yang mengubah landskap pemikiran antara kedua-dua tamadun ini.

Munn yang bersetuju dengan pendapat itu berkata, Britain juga mempunyai pendirian yang sama dan memang menggalakkan kepelbagaian bangsa dan agama.

"Selepas 11 September, Britain tidak terkecuali daripada menerima kesan tragedi itu. Ketika itu, semua orang menerima hakikat bahawa keganasan bukan hanya terhad kepada satu masyarakat sebaliknya ia adalah ancaman kepada seluruh warga United Kingdom.

"Kerana itu, kami mahu semua orang bekerjasama. Kami melancar pelbagai strategi dan program, kebanyakan khusus untuk orang muda. Kami menumpukan perhatian terhadap program ini sejak beberapa tahun lalu.

"Sekarang, hampir di mana saja saya berada orang bercakap mengenai perkara ini dan memang memuji pendirian United Kingdom yang tidak prejudis terhadap mereka yang beragama Islam," jelasnya.

Bercakap mengenai kerjasama Britain dan negara anggota Asean pula, Munn lebih

banyak menyentuh mengenai proses demokrasi Myanmar yang masih menemui jalan buntu.

Katanya, Asean boleh memainkan peranan lebih besar dalam memandu negara yang masih di bawah pemerintahan tentera itu ke arah mencapai demokrasi.

"Apa yang kami dan mungkin masyarakat dunia lain bimbang ialah walaupun selepas proses demokrasi diperkenalkan di negara itu, pemerintahan tentera akan terus memerintah. Perubahan regim perlu berlaku sekiranya negara itu ingin melaksanakan pilihan raya yang adil menjelang 2010 nanti.

"Pejuang demokrasi utamanya, Aung San Suu Kyi perlu dibebaskan dan semua kumpulan etnik di negara itu perlu terbabit dalam proses perubahan yang bakal berlaku ini," katanya menyentuh mengenai perubahan regim yang menjadi misi semua negara dunia yang menghulur bantuan kepada negara yang kini hampir lumpuh selepas dilanda taufan Nargis baru-baru ini.

Munn percaya, sebagai antara pengasas dan negara disegani di kalangan anggota Asean, Malaysia boleh memainkan peranan lebih penting dalam membawa demokrasi kepada Myanmar.

Beliau berkata, selain bercakap mengenai hubungan dua hala, isu Myanmar menjadi topik utamanya ketika bertemu Abdullah dan Menteri Luar, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Mengenai isu perubahan iklim, Munn berkata, cuaca yang semakin tidak menentu dan persekitaran alam yang semakin terancam, rakyat dunia bukan saja perlu berubah sikap, bahkan perlu bercakap sebagai satu suara.

"Setiap negara perlu sedar terhadap tanggungjawab mereka menangani isu pemanasan global. Ini adalah masalah seluruh umat manusia dan kita perlu bersatu dalam mengambil tindakan mengurangkan ancaman ini.

"Seperti saya katakan awal tadi, beban akibat kenaikan harga minyak adalah satu hikmah. Seluruh rakyat Malaysia akan menumpu perhatian untuk mengurangkan penggunaan sumber tenaga baik petrol, gas atau elektrik. Ini sekali gus mengurangkan pengeluaran karbon dunia," katanya.